Bab 7 : Kesimpulan Akhir

7.1: Ringkasan

Dalam catatan sejarah tentang puisi berbentuk *Ci*, Qin Guan bolehlah dianggap sebagai pujangga puisi berbentuk *Ci* yang berjaya menyerap ciri-ciri kelebihan yang terdapat pada puisi berbentuk *Ci* yang dicipta oleh pujangga-pujangga terdahulu dan kemudiannya mengasimilasikan gayanya sendiri untuk menghasilkan puisi berbentuk *Ci* yang lebih berkualiti dan dengan ciri-ciri yang tersendiri. Oleh itu, kita bolehlah menyatakan bahawa Qin Guan adalah antara pujangga puisi berbentuk *Ci* yang amat handal pada zaman Dinasti Song Utara, malahan adalah tidak keterlaluan jika menyatakan kehandalan beliau sukar ditandingi oleh pujangga-pujangga puisi berbentuk *Ci* zaman akhiran Dinasti Tang dalam penghasilan puisi Berbentuk *Ci* khasnya dalam pengkaryaan puisi berbentuk *Ci* panjang (changdiao 长调). Tambahan pula, sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Liu Xizai (刘熙载) bahawa puisi berbentuk *Ci* Qin Guan sememangnya dapat mewarisi intipati kumpulan 'Huajian' (花间) dan juga kumpulan 'Zunqian' (尊前), malah beliau masih berkebolehan menghasilkan puisi berbentuk *Ci* yang mewarisi gaya formal yang segar dan molek. Ini membuktikan bahawa sumbangan Qin Guan dalam bidang karyaan puisi berbentuk *Ci* bukan sekadar dalam intipati puisi berbentuk *Ci* sahaja, malahan yang paling penting ialah kebolehannya membentuk gaya tersendiri dalam pengkaryaan puisi berbentuk *Ci*.

Dalam konteks ini, Qin Guan amat arif dalam menulis perasaan dalaman yang halus dan menggabungkannya pula dengan riwayat hidup untuk dipaparkan dalam puisi berbentuk *Ci*. tetapi cara paparannya amatlah berbeza sekali iaitu Qin Guan lebih suka kepada gaya implisit (hanxu 含蓄) yang memerlukan daya bayangan dan gambaran yang sensitif serta tajam untuk merasainya. Gaya sebegini dapat melahirkan kelembutan

yang halus dan seterusnya mencapai mencapai tahap matang sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Chen Tingzhuo (陈廷焯) yang menganggap Qin Guan berjaya menghasilkan puisi berbentuk *Ci* yang maknanya terselindung dalam ayat. Lantaran itu, bolehlah dianggap puisi berbentuk *Ci* Qin Guan telah menggabungkan intonasi irama muzik bersama-sama dengan ayat-ayat lalu melahirkan kesinambungan dalam karyaannya.

Akan tetapi, malangnya riwayat hidup Qin Guan tidaklah selancar yang diharapkan olehnya sendiri. Beliau sering menghadapi cabaran dan dugaan yang dahsyat khususnya ketika mencetuari bidang politik dan pentadbiran dalam istana. Pada usia yang masih muda, Qin Guan telah bercita-cita tinggi untuk berkhidmat dalam istana sebagai pentadbir, tetapi beberapa peperiksaan yang disertainya tidak berjaya mencapai keputusan cemerlang sehinggalah pada usia 37 tahun barulah beliau berjaya mendapat kelulusan Jinshi (进士). Biarpun beliau mendapat kelulusan Jinshi, jawatan yang dipegangnya amatlah rendah iaitu sampai kepada Editor Pembetulan Perpustakaan Istana (Mishusheng Zhenzi 密书省正字) sahaja. Tambahan pula, akibat daripada hubungannya yang terlalu rapat dengan Su Shi (苏轼), beliau sering kali diturunkan derajat oleh maharaja setelah Su Shi gagal dalam rebutan kuasa antara kumpulan Baru (xindang 新党) dengan kumpulan konservatif (jiudang 旧党) berkenaan dengan reformasi yang dijalankan oleh wang Anshi (王安石). Pada usia 46 tahun, Qin Guan diturunkn derajat sekali demi sekali dan dibuang ke kawasan yang semakin terpencil. Akibat daripada seksaan fizikal dan mental yang teruk, suasana ini mengakibatkan Qin Guan meninggal dunia di pertengahan jalan di wilayah Teng (Tengzhou 藤州) setelah beliau mendapat perintah untuk pulang ke ibu kota semula.

7.2: Kesimpulan

Pada zaman Dinasti Song Utara, puisi berbentuk *Ci* aliran Lemah-lembut (Wanyue Pai 婉约派) mulai menghadapi persaingan daripada puisi berbentuk *Ci* aliran tulus dan terbuka (Haofang Pai 豪放派) yang dipimpin oleh Su Shi iaitu guru kepada Qin Guan. Namun puisi berbentuk *Ci* Qin Guan bukan sahaja tidak dipengaruhi oleh gurunya, malah beliau dapat membentuk gaya formal (gediao 格调) yang tersendiri. Ciri-ciri puisi berbentuk *Ci* karyaan Qin Gan bersifat implisit (hanxu 含蓄), bahasa dan ayat cantik (yuyan xiuli 语言秀丽), tahap maya yang segar selesa (yijing qingling 意境清灵), citarasa intonasi irama (yunwei 韵味) yang segar, kemuliaan dan kecantikan (yali 雅丽) serta berperasaan dan intonasi irama yang indah serasi (qingyin jiansheng 情韵兼胜). Beliau selalu menyelitkan riwayat hidupnya sendiri dalam puisi berbentuk *Ci* yang berintipati perasaan mengasyikkan (yanqing 艳情) maka cara menyisipkan riwayat hidup dalam puisi berbentuk Ci beraliran lemah-lembut sebenarnya adalah satu ciri-ciri yang baru dan berinovatif.

Sebahagian tajuk-tajuk lama tertentu yang sampai ke tangannya telah diubah bentuk dan stail baru oleh Qin Guan. Maka tidak boleh dinafikan jika kita memujinya kerana kejayaan beliau mengubah sesuatu peristiwa yang dianggap lapuk menjadi suatu perkara yang baru dan ajaib. Dalam perkara ini, keajaiban-keajaiban ini berkait-rapat dengan puisi berbentuk *Ci* yang berintipatikan peristiwa-peristiwa turun derajat dan diperintah untuk berpindah-randah. Puisi berbentuk *Ci* ini melahirkan keperitan, kesengsaraan dan kerisauan yang tak terhingga buat diri Qin Guan. Ia memaparkan kemalangan yang menimpa golongan terpelajar pada zaman dulu dan melalui puisi-puisi berbentuk *Ci* inilah perasaan kita dipengaruhi dengan mendalam.

Disebabkan puisi berbentuk *Ci*nya yang cantik molek (yanli 艳丽) dan mulia (gaoya 高雅) malah mengandungi nilai artistik (yishu 艺术) yang tinggi; maka puisi

berbentuk *Ci* Qin Guan dijunjung oleh pujangga-pujangga sezaman sehinggalah kepada para pembaca dan pengkritik kesusasteraan klasik China masa kini. Kawan karib Qin Guan dan juga pengikut kepada Su Shi iaitu Chen Shidao (陈师道) menganggap Qin Guan adalah pujangga puisi berbentuk *Ci* yang handal sehinggakan pujangga puisi berbentuk *Ci* zaman Dinasti Tang tidak dapat menandinginya. Sebaliknya Peng Xianmen (彭羡门) dan Ji Yun (纪昀) pula menganggap kehandalan Qin Guan adalah yang paling cemerlang antara semua pujangga puisi berbentuk *Ci* sezaman mahupun yang lampau.

Pujian-pujian ini telah menjunjung tinggi puisi-puisi berbentuk *Ci* karyaan Qin Guan menjadi pujangga terhandal pada zaman Dinasti Song Utara serta mengatasi gurunya Su Shi. Senario ini sememangnya telah terlebih pujian, tetapi puisi-puisi berbentuk *Ci*nya tetap memberi ruangan kepada para pembaca untuk menghayatinya dengan daya gambaran (huanxiang li 幻想力) yang sensitif. Khususnya puisi-puisi berbentuk *Ci* yang dikaryanya diakhiran hayatnya yang mengandungi ciri-ciri implisit yang tinggi. Oleh yang demikian, Qin Guan bolehlah dianggap sebagai salah seorang pujangga terpenting dan handal di zaman Dinasti Song Utara.